LESTARI melalui PPL telah memeterai penyambungan MoU bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) selain menandatangani MoU bersama Underwater World (UWL) Langkawi untuk meluaskan kerjasama penyelidikan dan pembangunan di Langkawi. PPL juga telah mengatur langkah meneroka khazanah semulajadi Tasik Langgun yang berpotensi dibangunkan sebagai geotapak baru melalui ekspedisi mini pada 26-30 November 2012 dan di mana hasilnya akan dibentangkan dalam seminar yang akan dianjurkan pada tahun 2013. Pelbagai aktiviti jangkuan telah dilaksanakan bagi menyampaikan maklumat serta berinteraksi dengan komuniti Langkawi terhadap inisiatif yang telah dibangunkan oleh LESTARI di Langkawi. Antaranya termasuklah

Pameran PPL yang telah dijalankan selama lebih sebulan bermula 15 Disember 2011 sehingga 30 Januari 2012 di UWL yang melibatkan pameran pelbagai bahan saintifik, poster serta bahan-bahan penerbitan.

Tahun 2012 juga menyaksikan satu lagi sejarah tercipta untuk PPL. Pada Januari 2012, bangunan PPL di Pantai Kok Langkawi telah siap dibina dan telah diserahkan kepada LESTARI pada tanggal 8 Februari 2012. Dengan keluasan 2,700 m.ps, ia menempatkan pelbagai kemudahan seperti dewan auditorium, makmal penyelidikan, bangunan pentadbiran, galeri, surau dan juga bangunan asrama lelaki dan wanita. Sejak ia mula beroperasi, PPL terus mengambil langkah proaktif untuk melengkapkan pelbagai prasarana penyelidikan, peralatan dan instrumentasi, kemudahan aktiviti/seminar serta kemudahan penginapan melalui dana instrumentasi yang diberikan oleh UKM berjumlah hampir RM1,000,000.00. Lantaran daripada pelbagai kemudahan yang disediakan ini, PPL telah menjadi hos kepada pelbagai siri seminar, bengkel termasuk seminar siswazah dan juga latihan pembinaan keupayaan oleh beberapa jabatan di UKM. Selain itu, PPL menjadi tumpuan univerisiti lain seperti UiTM dan USM untuk mengadakan siri-siri program jangkuan mereka. Pelbagai aktiviti penyelidikan yang melibatkan penyelidik mahupun pelajar dari luar negara juga lebih kerap dijalankan dan mendorong kepada pengukuhan jaringan kolaborasi PPL dengan pelbagai institusi terkemuka di peringkat antarabangsa. Pelaksanaan perancangan penyelidikan PPL dilihat lebih mudah dan tersusun dengan adanya kemudahan Kompleks Bangunan PPL ini.

Since 2003, PPL has been actively carrying out research on natural resources and development aspects of Langkawi. As one of the LESTARI's research entities that promote integrative research, PPL has strived to coordinate research activities that are holistic in approach through engaging researchers of diversed backgrounds. The effort to promote integrative research approach amongst PPL researchers was based on four major programmes: Geology and Landscape Resources; Biology and Marine Resources; Cultural and Local Tradition Resources; and Environmental Health.

PPL had 14 research grants that remained active as at end of 2012, out of which five (5) grants were obtained in 2012. Throughout the year, PPL has also successfully published nine (9) indexed journals (inclusive of seven (7) journals of impact factor), of which two (2) of them are from quartile Q1 and four from quartile Q2. Apart from those, four (4) non-indexed journals/proceedings and three (3) books were also produced.

LESTARI through PPL has continually sealed the MoU with Langkawi Development Authority (LADA) and at the same time, has established a new MoU with the Underwater World (UWL) Langkawi, for further enhancing the research and development of Langkawi. Meanwhile, PPL has also begun exploring the potentiality of Langgun Lake to be developed into a new geosite, following the mini expedition that took place on 26-30 November 2012. The findings will be presented in a seminar to be organised sometime in 2013.

Various outreach activities have been organised for the Langkawi communities for interactions and dissemination of information on the initiatives undertaken by LESTARI for the development of Langkawi. Amongst them was PPL Exhibition that run for more than a month from 15 December 2011 to 30 January 2012 exhibiting a variety of scientific materials, posters as well as published materials.

Year 2012 has also seen a creation of another historic event for PPL when its building along the beach of Kok Langkawi was completed and officially delivered to LESTARI on 8 February 2012. With its size of 2,700 m.p.s, PPL Complex comprises various facilities such as an auditorium hall, research laboratories, administration building, gallery, *surau* and residential blocks for male and female occupancies. Since commencing operations, PPL has proactively undertaken various steps to equip the complex with diversed research infrastructures, equipments and instrumentations, seminars/activities facilities as well as accommodation facilities through the fundings of nearly RM1,000,000.00 which was imparted by UKM. Subsequently, PPL has successfully became host to many seminars and workshops including graduate seminars and expertise development trainings by some UKM departments. Other universities such as UiTM and USM have also opted to carry out their outreach activities in this PPL Complex. Research activities involving international students and researchers have also been frequently managed thus enabling the reinforcement of collaboration networkings between PPL and many other established international institutions. The research planning execution of PPL has indeed been made easier and orderly with the presence of PPL Complex in Langkawi.

DALAM tempoh 16 tahun semenjak perwujudannya pada 1996, kumpulan teras ini telah berganjak dengan begitu banyak dari kajian yang menyelidiki apa itu warisan geologi kepada usaha membawa bersama masyarakat awam menghayati geologi sebagai warisan sepunya. Ini merupakan anjakan daripada penyelidikan saintifik di mana hasilnya berupaya digunapakai oleh komuniti atau sekurang-kurangnya mampu memberikan impak positif kepada komuniti. Ini jelas melalui usaha perwujudan geopark yang mengintegrasikan pemuliharaan, pendidikan awam dan peningkatan sosio ekonomi melalui geopelancongan di beberapa kawasan yang telah dikenalpasti di seluruh negara.

Usaha ini turut disokong dengan inisiatif mewujudkan Jawatankuasa Geopark Kebangsaan bersama Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli yang akan memantau dan membimbing pembangunan geopark kebangsaan seluruh negara. Meskipun masih di peringkat awal perbincangan dan pembangunan Term of Reference (TOR), usaha ini merupakan salah satu langkah kecil untuk terus bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dari peringkat komuniti sehinggalah kepada pengurusan dan pembuat keputusan tertinggi di peringkat kerajaan. Di peringkat dasar, kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam hal pengurusan geotapak juga telah memperlihatkan pengukuhan antara penyelidik sumber warisan tabii dengan pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) melalui projek penyelidikan kontrak yang membangun Pelan Perancangan Langkawi Geopark. Pelan ini yang merujuk secara khusus pencirian, pembangunan dan pengurusan sumber warisan geologi dan landskap lebih berkesan bersama dengan pelbagai aspek geopark yang lain.

Pada masa yang sama usaha pemuliharaan dengan pihak berkepentingan tidak hanya dalam bentuk geopark malah bentuk lain yang bersesuaian turut dilakukan seperti cadangan warisan kebangsaan untuk Permatang Kuarza Klang Gate bersama Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor; warisan kebangsaan Tanjung Balau dan Batu Layar bersama KEJORA, Geoforest Park Gunung Senyum-Jebak Puyuh yang baru dimulakan dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia-Pahang dan tapak terpelihara yang dikenalpasti di seluruh negara bersama pihak penyelidik bersama dari Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.

Bagi memantapkan hasil dokumentasi penyelidikan ahli kumpulan tidak ketinggalan menerokai sumber warisan baru yang dikenalpasti semasa ekspedisi saintifik Pusat Penyelidikan Langkawi ke Pulau Langgun. Hasil penyelidikan ini sebahagiannya telah dikongsi bersama pelbagai penyelidik sebelum diterjemahkan dalam bentuk yang lebih mudah kepada pihak awam. Terjemahan saintifik geologi kepada yang lebih mudah difahami bagi setiap geotapak khususnya untuk pelancongan turut diberikan kepada pemandu pelancong di Kepulauan Langkawi melalui siri kursus Geopark.

Di peringkat penyelidikan, pembangunan sebahagian aspek penilaian dan penarafan masih dilakukan dan pemantapan pendekatan pengenalpastian, pengelasan, pencirian dan penilaian tetap dilakukan. Ini bertujuan untuk mengukuhkan bidang ilmu yang dibangunkan dalam bentuk geologi pemuliharaan, geopelancongan dan juga pendekatan yang lebih luas dan terintegrasi geopark.

In the span of 16 years since its establishment in 1996, this core group has progressed tremendously. It first started its research with examining what was geological heritage was all about and has since then ventured to research that explored numerous means in bringing the local communities to embrace geology as a communal heritage. A shift in the scientific research enables the outcome to benefit the communities at large or at least instils a positive impact to the communities from their engagement. True to the above, efforts in incepting geoparks with an integrated plan that focus on geological heritage conservation, socio economic impact and knowledge transfer activities via geotourism are being carried out. Several places throughout the nation have been identified as potential geoparks.

This endeavor is further supported by the formation of National Geopark Committee under the umbrella of the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) that will monitor and provide guidance in the development of national geoparks throughout the country. Eventhough the foundation of

Langkawi, Malaysia

the committee and the development of Term of Reference (TOR) are still at its inception stage, this effort is certainly seen as one of the small steps towards operating in close synergy amongst the various stakeholders namely, the local community, management and decison makers at the government level. At the policy level, collaborations with the stakeholders on the issues of geoparks management have also been reinforced between the researchers of the natural heritage resources with the Langkawi Development Board (LADA) through the contractual research projects that had developed the Langkawi Geopark Development Plan. This plan which referenced specifically to the characteristics, development and management of geological heritage resources and landscapes is more effective when carried out with other aspects of geoparks.

In any event, conservation efforts with stakeholders are not merely in the form of geoparks. Other appropriate means can also be formulated such as the national heritage proposal for Permatang Kuarza Klang Gate with Town and Country Planning Department of Selangor (JPBDS); Tanjung Balau and Batu Layar National Heritage with South East Johore Development Authority (KEJORA); Gunung Senyum and Gunung Jebak Puyuh Geoforest Parks with Department of Forestry Peninsular Malaysia-Pahang and other identified reserved sites throughout the country with co-researchers from the Minerals and Geoscience Department Malaysia (JMG).

For purpose of strengthening research documentations, this core group has also explored new heritage resources identified during the scientific expedition of Langkawi Research Centre to Pulau Langgun. Part of the research output has been shared amongst various researchers before translating them into a more user friendly format for the public use. A user friendly geological scientific translation for each geosite is also given to tourist guides in Langkawi during a series of Geopark courses.

Development on parts of assessment and ratings of research are still been consummated up to this time. Identification approaches, classifications, characterisations and assessments of research are continuously been intensified. This is done in order to further solidify the knowledge fields in areas of geological conservation, geotourism, and also to broaden and integrate the approaches for promoting geoparks.

Air, Hutan dan Sumber Asli
Water, Forests and Natural Resources

Pengerusi / Chair : Shaharuddin Mohamad Ismail (Dato')

AIR, hutan dan sumber asli merupakan komponen penting perkhidmatan ekosistem dalam mencapai pembangunan lestari. Komuniti global telah menunjukkan minat yang besar dalam memastikan setiap negara menuju ke arah pembangunan lestari. Ini bermakna setiap pembangunan negara mestilah seimbang di antara komponen ekonomi, alam sekitar dan sosial. Ketiga-tiga komponen tersebut adalah penting dan penting dalam mencapai pembangunan lestari. Dari segi ini, konsep pembangunan lestari telah lama tersemai dalam proses perancangan pembangunan lestari di Malaysia.

Walau bagaimanapun, potensi kejayaan program pembangunan lestari tersebut amatlah bergantung kepada keberkesanan governans yang akan menggabungkan ketiga-tiga komponen pelestarian ini.

Malaysia mempunyai sumber asli seperti bahan galian, timah, hutan dan air yang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan dan kesejahteraan ekonomi. Adalah dijangka sumber asli akan terus memainkan peranan penting dalam usaha negara mencapai taraf negara maju pada tahun 2020.

Penyelidikan kumpulan teras ini memberi tumpuan kepada menjalankan pengajian dan penyelidikan ke atas komponen dan aspek governans yang berkaitan dengan pembangunan lestari sumber asli bagi negara ini.

Pendekatan terbaru yang diambil ialah menangani isu berkaitan dengan pembayaran perkhidmatan ekosistem. Ini adalah penting untuk kehidupan manusia yang mendapat faedah daripada alam sekitar. Faedah ini jarang diberi perhatian.

Water, forests and natural resources are vital components of ecosystem services in achieving sustainable development. Global communities have shown great interest in ensuring that countries move towards sustainable development. This means that the country's development must balance between economic, environmental and social components. The concept of sustainable development has long been entrenched in Malaysia's national development planning processes.

However, it must be realised that the success in the potential of sustainable development programmes are very much dependent on the effectiveness of governance which integrates the three pillars of sustainability.

In Malaysia, natural resources namely minerals, tin, forest and water have contributed significantly to the economic development and well-being of the country. It is envisaged that natural resources will continue to play an important role in the nation's quest to achieve developed status by 2020. The research thrust of this core group undertakes comprehensive study and research on various components and aspects of governance related to sustainable development of natural resources for Malaysia.

The current approach undertaken is to address various issues related to payment for ecosystem services particularly water, forest and biodiversity. It is important for human survival that benefits from nature in many ways of which are normally taken for granted.

Hutan Sungai Menyala, Port Dickson, Negeri Sembilan



Kursus Transformasi Kepimpinan Ekorelawan
Eco Volunteers Leadership Transformation Course

20/10/2012, UKM, Bangi



Kursus Transformasi Kepimpinan Ekorelawan ini telah dipimpin oleh Dr. Shaker Mustaffa /
The Eco Volunteers Leadership Transformation Course was headed by Dr. Shaker Mustaffa

Bandar Berdayahuni dan Landskap Ekologi
Liveable Cities and Landscape Ecology

Pengerusi / Chair: Abdul Samad Hadi (Emeritus Prof. Dato' Dr.)

AKTIVITI kumpulan penyelidikan ini secara konsisten dan berterusan meneliti isu-isu yang menyangkut tentang dayahuni bandar yang diterjemahkan kepada dayahuni perumahan dan seumpamanya. Penyelidikan yang dijalankan berteraskan kepada jaluran kerangka menjejak (tracking), menerap (embedding), memupuk (embracing) dan seterusnya membudayakan aspek kelestarian dalam pembangunan bandar di negara ini.

Sehingga kini, penerapan aspek-aspek kelestarian bandar begitu giat dijalankan. Makmal lapangan yang menganjur dari Proton City di Tanjung Malim sehingga ke Linggi di sempadan Negeri Sembilan/Melaka menjadi makmal mega untuk kumpulan ini menjalankan penelitian dan menguji perspektif, konsep, definisi, dan aplikasi yang diambil. Namun secara lebih mendalam dan pada skala yang lebih besar, penelitian berkait dengan dayahuni bandar ini diterapkan di Seremban dan bandar-bandar lain di dalam lingkungan makmal mega tadi.

Perolehan geran-geran penyelidikan dari kementerian, universiti dan dana penaja luar merancakkan penyelidikan oleh kumpulan ini. Pemberian geran oleh Kementerian Pengajian Tinggi (pada masa itu), membolehkan kajian mengenai peralihan transisi kelestarian dijalankan di koridor pembangunan bandar yang menganjur dari Kuantan ke Pekan di Pahang. Kerangka, model dan konsep kajian ekosistem yang dijalankan di Lembangan Bernam-Linggi selama ini diterapkan kepada kajian di Pahang ini. Hasil penelitian awal telah dikenalpasti dan laporan kajian sedang disediakan. Satu persidangan antarabangsa iaitu International Conference on Challenges of Extended Mega Urban Regions; The Changing Face of Southeast Asia and the World sedang diusahakan dan dijadualkan berlangsung pada 19-21 November 2013 nanti.

Kumpulan ini juga terlibat dalam penghasilan Dokumen PPLG adalah hasil usahasama antara LESTARI dan LADA yang dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras pembangunan Langkawi Geopark dengan pihak Institusi Pengajian Tinggi dalam pengurusan pelaksanaan geopark. Dokumen ini memberi panduan mengenai pewujudan sebuah pelan pengurusan bagi sesebuah geopark. PPLG telah disediakan dengan pendekatan yang holistic, kemprehensif dan bekerterlibatan pelbagai pihak berkepentingan.

1 – 2

Siri Bengkel Program Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar (Zon Timur)

Workshop on Sustainable City Programme - Environmental Award (Eastern Zone) Series

21-22 /2/2012, Kuantan, Pahang

The activities of this research group will consistently and continuously delve into issues related to liveable cities which, in turn, can be comparable to liveable houses and equivalent. Research are conducted based on tracking, embedding, embracing and constantly cultivating the sustainable aspects when developing cities in the country.

Up till now, the consolidation of sustainable aspects of cities are actively been administered. Field laboratories leading from Proton City, Tanjung Malim to Linggi at the border of Negeri Sembilan/Melaka are the mega laboratory for this group to carry out thorough investigations as well as testing of perspectives, concepts, definitions and applications. However, on an in-depth and bigger scale, research relating to liveable cities are managed in Seremban and other cities within the precinct of the mentioned mega field laboratory.

Acquisition of research grants from ministries, universities and external entities heightened the research activities of this group. Grants provided by the Ministry of Higher Education, Malaysia enabled a research relating to sustainability of transition changes be carried out for the city corridor development planning starting from Kuantan to Pekan in Pahang. The framework, model and concepts of ecosystem research incorporated at Bernam-Linggi Basin were employed to the research stints in Pahang. Initial investigation outcome has been identified and a research report is currently been prepared. An international conference entitled "International Conference on Challenges of Extended Mega Urban Regions: The Changing Face of Southeast Asia and the World" is been planned and scheduled to commence on 19-21 November 2013.

This group has also participated in the production of PPLG documentation which is the outcome from the collaboration between LESTARI and LADA, in its capacity as the development coordinator of the Langkawi Geopark with the Higher Education Institutions in the management of geopark implementation. This documentation provides the guidelines in building a management plan for a particular geopark. It has been comprehensively prepared using an holistical approach dan had the involvement of many stakeholders.

Sosio Ekonomi
Socio-economic

Pengerusi / Chair : Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)

KELESTARIAN ekonomi dan sosial merupakan dua komponen penting dalam paradigm pembangunan lestari. Kumpulan teras ini menumpukan kepada isu-isu dan kaedah penyelesaian bagi mengimbangi utilisasi sumber-sumber asli untuk kepentingan kebajikan manusia and ekonomi keseluruhannya. Tema dan persoalan-persoalan seperti hubungkait pertumbuhan ekonomi dan alam sekitar, keselamatan makanan dan pertanian lestari, kemiskinan dan penghidupan lestari, masyarakat terpinggir merupakan penyelidikan-penyelidikan yang menjadi fokus kepada kumpulan teras ini. Dalam pada itu, kaedah serta instrumen-instrumen bagi menilai sumber-sumber asli diterokai dan diaplikasi di dalam penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan.

Economic and social sustainability are the main pillars in sustainable development paradigm. This core group focuses on the issues and solution of harmonizing the utilization of natural resources for the benefits of the human welfare and economics as a whole. Researches under this core group are economic growth and environmental nexus, food security and agricultural sustainability, poverty and sustainable livelihood and marginalized community. Methods and instruments for assessing natural resources are explored and applied in conducting the research.

Malam Gemilang LESTARI
LESTARI's Gala Nite

20/6/2012, Cyberview Lodge, Cyberjaya

1 – 4
Warga LESTARI diraikan dalam Majlis Makan Malam / Rewarding the LESTARIans for work well done during the LESTARI's annual dinner

Pengurusan Bahan Kimia (MyNICHE)
Chemicals Management (MyNICHE)

Pengerusi / Chair: Mazlin bin Mokhtar (Prof. Dr.)

KUMPULAN Penyelidikan MyNICHE telah diwujudkan pada 16 Jun 2005 untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan pengurusan bahan kimia di Malaysia serta di rantau Asia Tenggara. Objektif utama Kumpulan Penyelidikan MyNICHE adalah untuk menjalankan penyelidikan multidisiplin dalam bidang pengurusan bahan kimia; memberi sumbangan kepakaran serta input teknikal kepada pihak berkepentingan terutamanya dalam proses membuat keputusan dan membangunkan dasar; serta membangunkan kapasiti sumber manusia dalam menangani isu berkaitan dengan pengurusan bahan kimia. Kumpulan Penyelidikan MyNICH telah menganjurkan Rundingan Meja Bulat MyNICHE (RTD-MyNICHE) atas kerjasama dengan Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), di mana RTD-MyNICHE ini merupakan satu jaringan yang melibatkan pihak berkepentingan termasuk kerajaan, industri, NGO, akademik dan institut penyelidikan untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan pengurusan kimia, contohnya perlaksanaan Strategic Approach to International Chemicals Management (SAICM) dan Globally Harmonised System of Classification and Labelling of Chemicals (GHS) di Malaysia.

Rundingan Meja Bulat MyNICHE yang kelapan (i.e. 8th RTD-MyNICHE) telah diadakan pada 18 Oktober 2011 dan ia dianjurkan atas kerjasama antara Kumpulan Penyelidikan MyNICHE dan

Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar). Tema untuk 8th RTD-MyNICHE adalah "Synergising Local Initiatives and International Obligations for The Future We Want" dan pihak berkepentingan daripada pelbagai disiplin dan sektor, termasuk daripada kerajaan, pihak swasta, NGO dan akademia telah mengambil bahagian dalam 8th RTD-MyNICHE. Untuk dana penyelidikan pula, Kumpulan Penyelidikan MyNICHE telah menerima satu dana antarabangsa daripada UNIDO (United Nations Industrial Development Organization) untuk menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan ratifikasi Konvensyen Stockholm. Di samping itu, Kumpulan Penyelidikan MyNICHE juga mendapat dana khas melalui HiCoE berpotensi LESTARI untuk menjalankan penyelidikan keselamatan makmal di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

MyNICHE Research Group was established on 16 June 2005 with the aims to conduct research pertaining to chemicals management in Malaysia and Southeast Asia. Objectives of MyNICHE are to conduct multidisciplinary research in the field of chemicals management; to provide expertise supports and technical inputs for stakeholders in order to assist them in the process of making decisions and establishing policies; and to develop trained human capital in addressing issues pertaining to chemicals management.

The MyNICHE Research Group and Environmental Management and Climate Change Division, Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) have jointly organized the Round Table Dialogue of MyNICHE (RTD-MyNICHE), where the RTD-MyNICHE is a network that supports various stakeholders such as government, industry, NGO, academic and research institutes in managing chemicals and hazardous substances, including the implementation of Strategic Approach to International Chemicals Management (SAICM) and GHS (Globally Harmonised System of Classification and Labelling of Chemicals) in Malaysia

The 8th Round Table Dialogue of MyNICHE (i.e. 8th RTD-MyNICHE) was held on October 18, 2012, where it was jointly organized by MyNICHE Research Group and Environmental Management and Climate Change Division, Ministry of Natural Resources and Environment (NRE). The theme for 8th RTD-MyNICHE is "Synergising Local Initiatives and International Obligations for The Future We Want" and stakeholders from multi-disciplines and multi-sectors, such as representatives from government, private sector, NGOs and academia have participated in the 8th RTD-MyNICHE. In 2012, the MyNICHE Research Group obtained research grant from UNIDO (United Nations Industrial Development Organization) to carry out reserach pertaining to ratification of Stockholm Convention. Beside that, MyNICHE Research Group also being awarded a research grant under the framework of Potential HiCoE LESTARI to conduct research on chemical safety at secondary school laboratories in Malaysia.

Perubahan dan Adaptasi Eko Sistem (MyCLIMATE)
Ecosystem Change and Adaptation (MyCLIMATE)

Ketua/Head: Joy Jacqueline Pereira (Prof. Dr.)

KUMPULAN MyCLIMATE telah ditubuhkan pada 2007 hasil daripada Kajian Dasar Perubahan Iklim dengan sokongan biayaan daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE) di bawah Rancangan Malaysia ke-9. MyCLIMATE bermatlamat untuk menyokong NRE, iaitu Titik Tumpuan Tempatan di Pentas "United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)" dan "Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC)" dengan menjalankan aktiviti penyelidikan berkaitan dengan iklim di peringkat kebangsaan, negeri dan tempatan. Sekretariat MyCLIMATE disokong NRE dan Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM).

MyCLIMATE merupakan jaringan kumpulan penyelidik dari pelbagai universiti, agensi kerajaan, pertubuhan yang berdedikasi menjalankan penyelidikan ber-kenaan isu perubahan iklim untuk menyokong pencegahan bencana dan pembangunan lestari. Penyelidik Kumpulan Perubahan Iklim dan Adaptasi (OUP-2012-113) merupakan ahli teras MyCLIMATE. Fokus MyCLIMATE adalah penyelidikan, pendidikan, dan penyediaan khidmat nasihat yang berteraskan lima tema iaitu: Adaptasi Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana; Dasar Perubahan Iklim dan Keselamatan Negara; Perubahan Iklim dan Kesihatan Awam; Perubahan Iklim dan Kelestarian Sumber; dan Pendidikan dan Penglibatan Komuniti dalam Perubahan Iklim dan Pencegahan Bencana.

Aktiviti penyelidikan MyCLIMATE pada tahun 2012 telah dibiayai oleh Asia Pacific Network for Global Change (APN), NRE, dan juga dana Penyelidikan UKM. Empat projek baru telah dijalankan oleh Kumpulan Perubahan Iklim dan Adaptasi pada tahun 2012 iaitu "Assessment of Climatic Hazards for Adaptation Response at the Local Level in Peninsular Malaysia" (RM100,000.00), "Establishment of National Platform and Action Plan for Disaster Risk Reduction" (RM48,000.00), "Adaptation Roadmap for Malaysia" (RM400,000.00) dan "Vulnerability and Adaptation Towards Cascading Disaster" (RM165,000.00). Ahli MyCLIMATE telah menghasilkan 21 jurnal terindeks, 2 jurnal tidak terindeks, 5 prosiding tidak terindeks, 2 buah buku, 9 orang siswazah sarjana dan 2 orang siswazah Doktor Falsafah (PhD).

Aktiviti jangkauan MyCLIMATE adalah termasuk Forum SEADPRI 2012 bertajuk "Advancing Disaster Prevention Climate Change Science and Policies" (14 Mei, 2012), "Workshop on Natural Disaster and Climate Change in Asia" (5-7 November, 2012) dan " Workshop on Natural Hazards and Climate Change Adaptation" (9 November 2012).

Kumpulan penyelidik MyCLIMATE telah membentangkan hasil kajian mereka di seminar, persidangan dan bengkel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Melalui SEADPRI-UKM, MyCLIMATE turut terlibat secara aktif dalam "IPCC Fifth Assessment Report (IPCC-AR5)" dan "IPCC Special Report on Managing the Risks of Extreme Events" and "Disasters to Advance Climate Change Adaptation (SREX)".

MyCLIMATE was established in 2007 as an output of the Policy Study on Climate Change that was funded by the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) under the Ninth Malaysian Plan. The aim of MyCLIMATE is to support NRE, the National Focal Point for the United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCC) and Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) through climate change-related research conducted at local, state and national levels. The secretariat of MyCLIMATE is supported by the NRE and Southeast Asia Disaster Prevention Research Institute (SEADPRI-UKM).

MyCLIMATE is a network of researchers from various universities, government agencies and organisations dedicated to conducting research on climate change that will support disaster prevention and sustainable development. Researchers of the Climate Change and Adaptation Group (UKM-OUP-2012-113) of UKM are the core members of MyCLIMATE. The focus of MyCLIMATE is on research, education and provision of advisory services in the following five thematic areas: Climate Change Adaptation and Disaster Risk Reduction; Climate Change Policy and National Security; Climate Change and Public Health; Climate Change and Sustainable Resources; as well as Education and Community Participation in Climate Change and Disaster Prevention.

MyCLIMATE research activities in 2012 were funded by the Asia Pacific Network for Global Change (APN), NRE, as well as UKM research funds. Four new projects were conducted by the Climate Change and Adaptation Group in 2012. These are entitled "Assessment of Climatic Hazards for Adaptation Response at the Local Level in Peninsular Malaysia" (RM100,000.00), "Establishment of National Platform and Action Plan for Disaster Risk Reduction" (RM48,000.00), "Adaptation Roadmap for Malaysia" (RM400,000.00) and "Vulnerability and Adaptation towards Cascading Disaster" (RM165,000.00). Members of MyCLIMATE produced 21 indexed journals, 2 non-indexed journal, 5 non-indexed proceedings, 2 books, 9 master graduates and 2 doctoral graduates (PhD).

MyCLIMATE outreach consisted of the SEADPRI 2012 Forum titled "Advancing Disaster Prevention Climate Change Science and Policies" (14 May, 2012), "Workshop on Natural Disaster and Climate Change in Asia" (5-7 November 2012) and "Workshop on Natural Hazards and Climate Change Adaptation" (9 November 2012). Researchers of MyCLIMATE presented their research outcomes in seminars, conferences and workshops at national and international levels. MyCLIMATE, through SEADPRI-UKM, also participates actively in the IPCC Fifth Assessment Report (IPCC-AR5) and IPCC Special Report on Managing the Risks of Extreme Events and Disasters to Advance Climate Change Adaptation (SREX).

Projek Penyelidikan
Research Projects

	Nama Projek / Name of Projects	Kod Projek / Project Codes	Jumlah Dana / Funding Amount	Tempoh / Duration
Biaya/Funding: Kementerian Pengajian Tinggi / Ministry of Higher Education				
1	Greening The Economy: Impacts of Selected Greening Initiatives on Sustainable Livelihood and Socio- Economic Wellbeing of the Lower Income Households in Malaysia *Ketua Projek/Project Head: Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)*	FRGS/1/2012/ SS07/ UKM/01/3	RM50,000	4/4/2012-3/4/2014
2	Food Security Assessment for the Flood-Affected Victim: Vulnerability, Coping Strategy and Livelihood *Ketua Projek/Project Head: Rospidah Ghazali (Dr.)*	FRGS/1/2012/ SS07/ UKM/03/1	RM50,000	2012-2014
3	Preference and Accessibility to Goods and Services in Shaping a Livable City in the Linggi to Bernam Mega-Urban Region: Case Seremban Municipality *Ketua Projek/Project Head: Abdul Samad Hadi (Emeritus Prof. Dato' Dr.)*	FRGS/1/2012/ SSI11/ UKM/01/1	RM40,000	2012-2014
4	Development of a Grounded Socio-Spatial Urbanization Theory for Malaysia's Secondary City Region *Ketua Projek/Project Head: Abdul Hadi Harman Shah*	FRGS/1/2012/ SSI11/ UKM/02/2	RM50,000	2012-2014
5	Projek Pelan Strategi Pembangunan Lestari Wilayah / Project Plan for Regional Sustainable Development Strategy *Ketua Projek/Project Head: Halimaton Saadiah Hashim (Datin Paduka Dr.)*	XX-02-2012	RM400,000	2012-2013
6	Pembentukan Hala Tuju Pembangunan Lestari Sumber Hutan dan Air di Negeri Pahang / Strategic Formation on Sustainable Development of Forestry and Water Resources in Pahang *Ketua Projek/Project Head: Shaharuddin Mohamad Ismail (Dato')*	XX-03-2012	RM165,000	2012-2013
7	Transisi Ke Arah Kelestarian: Menilai Perubahan Pembandaran di Lembangan / Sungai Pahang / Transition Towards Sustainability: Assessing the Urbanization Changes at Pahang River Basin *Ketua Projek/Project Head: Abdul Samad Hadi (Emeritus Prof. Dato' Dr.)*	XX-04-2012	RM165,000	2012-2013
8	Kepenggunaan Hijau: Kajian Kesedaran, Pengetahuan, Perlakuan dan Kesanggupan Membayar untuk Produk Hijau dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) / Green Consumerism: Research on the Awareness, Knowledge, Actions and Willingness To Pay for Green Products in the East Coast Economic Region (ECER) *Ketua Projek/Project Head: Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)*	XX-05-2012	RM165,000	1/4/2012-31/12/2013
9	Kesedaran Keselamatan Bahan Kimia di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah / Chemical Safety Awareness Amongst Secondary School's Students *Ketua Projek/Project Head: Goh Choo Ta (Dr.)*	XX-06-2012	RM165,000	2012-2013
10	Kemudahterancaman dan Adaptasi Terhadap Bencana Berkasked / Threatening and Adaptation Towards Cascading Hazards *Ketua Projek/Project Head: Joy Jacqueline Pereira (Prof. Dr.)*	XX-07-2012	RM165,000	2012-2013
11	Kepelbagaian Sumber Warisan Geologi Lembangan Sungai Pahang dan Potensinya untuk Geopelancongan dan Pembangunan Geopark / Multi Geological Heritage Resources of Pahang River Basin and Its Potential for Geotourism and Geopark Development *Ketua Projek/Project Head: Mohd Shafeea Leman (Prof. Dr.)*	XX-08-2012	RM165,000	2012-2013
12	Kajian Pembangunan Wilayah Delta Sarawak / Research on the Development of Sarawak Delta Region *Ketua Projek/Project Head: Ibrahim Komoo (Emeritus Prof. Dato' Dr.)/Che Aziz Ali (Prof. Dr.)*	XX-09-2012	RM165,000	2012-2013

	Nama Projek / Name of Projects	Kod Projek / Project Codes	Jumlah Dana / Funding Amount	Tempoh / Duration
13	Pemindahan Teknologi dan Ilmu Pengetahuan Tentang Pemetaan Kemiskinan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER): Kerjasama Pemindahan Ilmu oleh LESTARI UKM kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) / Technology and Knowledge Transfer on Poverty Mapping at East Coast Economic Region (ECER): Joint Venture of Knowledge Transfer by LESTARI UKM to Implementation Coordination Unit (ICU) (*Geran Knowledge Transfer Program)* *Ketua Projek/Project Head: Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)*	PHI-2012-04	RM117,875	17/7/2012-16/7/2013
14	Pemindahan Ilmu Trandisiplin untuk Kelestarian dan DayaHuni / Transdisciplinarity Knowledge Transfer for Sustainability and Livability (*Geran Knowledge Transfer Program)* *Ketua Projek/Project Head: Shaharudin Idrus*	PHI-2012-03	RM111,725	2012-2013
15	Extended Mega-Urban Region (EMUR) In Malaysia: Challenges To Sustainability *Ketua Projek/Project Head: Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)*	ERGS/1/2012/ SSI12/ UKM/01/1	RM50,000	2012 - 2015
16	Analysis of Watershed Sustainability Index (WSI) at Catchment Level for Langat River Basin *Ketua Projek/Project Head: Abdul Samad Hadi (Emeritus Prof. Dato' Dr.)*	ERGS/1/2012/ STWN01/ UKM/02/4	RM89,000	2012 - 2015
17	Exploring Sustainability Concept, Prospect, Methodologies and Processes: The Complexity and Ecosystem Connectivity of Malaysia's Tidal Wetlands *Ketua Projek/Project Head: Dr. Ahmad Aldrie Amir (Dr.)*	ERGS/1/2012/ STWN01/ UKM/03/2	RM87,200	2012 - 2015
18	Pemantapan Aspek Kualiti Pengurusan Penyelidikan Melalui Proses Pengukuhan Sistem Pengurusan Data dan Inventori Secara Sistematik / Stabilizing the Quality Aspects of Research Management Through Strengthening the Data and Inventory Management System's Process Systematically *Ketua Projek/Project Head: Nik Mohd Noor Faizul Md Saad*	XX-14-2012	RM75,000	Ogos 2012 - Julai 2013
	Biaya/Funding: Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LGRS) / Long Term Research Grant			
19	Development of a Model for Water Governance of Selected Urban Areas in Langat Basin *Ketua Projek/Project Head: Mazlin bin Mokhtar (Prof. Dr.)*	XX-11-2012	RM30,000	Julai 2012-Julai 2014
20	Sosio Economic Impact Aspect of Water Security and Sustainable Livelihood: On Selected Urban Agriculture in Malaysia *Ketua Projek/Project Head: Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)*	XX-12-2012	RM30,000	1/7/2012-30/6/ 2014
	Biaya/Funding: Dana Universiti Penyelidikan / Research University Funds			
21	Dana Lonjakan Penerbitan (DLP) / Publication Spurting Funds (DLP) *Ketua Projek/Project Head: Mazlin bin Mokhtar (Prof. Dr.)*	UKM-DLP-2011-083	RM100,000	2012
	Biaya/Funding: UNITEN			
22	Roadmap Adaptasi untuk Malaysia / Roadmap Adaptation for Malaysia *Ketua Projek/Project Head: Joy Jacqueline Pereira (Prof. Dr.)*	XX-07-2011	RM400,000	2012 - 2013
	Biaya/Funding: ASMA Environmental Consultancy Sdn. Bhd.			
23	Kaedah Pengukuran Punca Pencemaran: Penilaian dan Kemas kini Garis Panduan Alam Sekitar / Methods on Measuring Causes of Pollution: Assessment and Updating of Enviromental Guidelines *Ketua Projek/Project Head: Sarah Aziz (Dr.)*	XX-01-2012	RM21,600	1/3/2012 - 30/6/2012

	Nama Projek / Name of Projects	Kod Projek / Project Codes	Jumlah Dana / Funding Amount	Tempoh / Duration
	Biaya/Funding: United Nations Industrial Development Organization (UNIDO)			
24	Assessment of Existing National Legal Framework and Measures for the Ratification of Stockholm Convention on Persistent Organic Pollutants (POPs) in Malaysia *Ketua Projek/Project Head: Sarah Aziz (Dr.)*	XX-10-2012	USD15,870/ RM47,610	1/6/2012 - 28/2/2013
	Biaya/Funding: Dana Rangsangan - Geran Universiti Penyelidikan Khas / Stimulation Funding - Special Research University Grant			
25	Sustainable Consumption: An Exploratory on Green Consumerism in Malaysia *Ketua Projek/Project Head: Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)*	GUP-2012-090	RM10,000	1/8/2012 - 31/7/2013
	Biaya/Funding: HTC			
26	Upscaling of MSMA Ecohydrology at the Catchment Level (Sg. Langat) *Ketua Projek/Project Head: Mazlin bin Mokhtar (Prof. Dr.)*	XX-15-2012	RM826,511	16/7/2012 - 15/7/2013
	Biaya/Funding: Selangor Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT)			
27	Pembentukan Pangkalan Data dan Pemetaan GIS Kawasan Jugra Lama, Kuala Langat Selangor Database Development and GIS Mapping for Jugra Lama, Kuala Langat Areas *Ketua Projek/Project Head: Shaharudin Idrus*	XX-13-2012	RM30,000	1/08/2012 - 31/07/2013
	Biaya/Funding: Malaysian Green Technology Corporation			
28	Kajian Asas Kerangka Perundangan Berkaitan Teknologi Hijau Basic Research on the Legislative Framework of Green Technology *Ketua Projek/Project Head: Sarah Aziz (Dr.)*	XX-17-2012	RM120,000	1/9/2012 - Feb 2013
	Biaya/Funding: Geran Galakan Penyelidik Muda / Young Researchers Encouragement Grant			
29	Kajian Sistematik Landskap Geologi untuk Geopelancongan Systematic Geological Landscape Research for Geotourism *Ketua Projek/Project Head: Tanot Unjah (Dr.)*	GGPM-2012-081	RM15,000	1/10/2012 - 30/9/2014
	Biaya/Funding: Geran Galakan Penyelidikan Universiti / Research University Encouragement Grant			
30	Nurturing Sustainable Future: Knowledge Transfer to Eco-Volunteers and Community *Ketua Projek/Project Head: Shaharuddin Mohd Ismail (Dato')*	Komuniti - 2012 - 031	RM30,000	1/11/2012 - 31/10/2014
	Biaya/Funding: The Swedish International Centre of Education for SD (SWEDESH)			
31	Learning for Change: Education for Sustainable Development in Malaysia *Ketua Projek/Project Head: Rahmah Elfithri (Dr.)*	XX- 16-2012	RM19,500	1/10/2012 - 1/10/2013
	Biaya/Funding: Geran Universiti Penyelidikan,UKM			
32	Self-Build Remodel House for Commercial, Affordable, Sustainable Housing (CASH) *Ketua Projek/Project Head: Norngainy Mohd Tawil (Dr.)*	GUP-2012-058	RM30,000	7/5/2012 - 30/4/2013

Bengkel Tahunan Kumpulan Penyelidikan Pengurusan Sumber Air Bersepadu / Integrated Water Resources Management Research Group Annual Workshop

17-18 Dis 2012, Colmar Tropicale, Pahang

Knowledge Transfer for Sustainable Development in Malaysia Workshop

9-11 July 2012, UKM Bangi

Latihan PASCA SISWAZAH
POSTGRADUATE TRAININGS

PROGRAM PASCA SISWAZAH POSTGRADUATE PROGRAMMES 50

SKIM ZAMALAH ZAMALAH SCHEMES 54

Program Pasca Siswazah
Postgraduate Programmes

Program pascasiswazah di LESTARI tertumpu kepada peningkatan ilmu serta pengembangan ilmu baru dalam bidang alam sekitar dan pembangunan. Ijazah Pascasiswazah ditawarkan pada peringkat Sarjana dalam bidang seperti Alam Sekitar dan Pembangunan; Pengurusan Ekosistem Bandar; Pemuliharaan Alam Sekitar; Pengurusan Kepelbagaian Biologi; dan Kajian Dasar Alam Sekitar dan Pembangunan.

Mod pengajian adalah dalam bentuk penyelidikan sahaja dan boleh dilakukan sepenuh atau separuh masa.

The postgraduate programme in LESTARI focuses on strengthening knowledge and pursuing new knowledge in the fields of environment and development. Postgraduate degrees are offered at both Masters and Doctoral levels in the areas of Environment and Development; Urban Ecosystem Management; Environmental Conservation; Biodiversity Management; and Environment and Development Policy Study.

The mode of study is in the form of research only and can be done either on a full-time or part-time basis.

BIDANG PENGAJIAN / FIELDS OF STUDY

Doktor Falsafah Alam Sekitar dan Pembangunan /
Doctor of Philosophy in Environment and Development

- Kajian Dasar Alam Sekitar dan Pembangunan / Policy Study of Environment and Development
- Pengurusan Ekosistem Bandar / Urban Ecosystem Management
- Pemuliharaan Alam Sekitar / Environmental Conservation
- Pengurusan Kepelbagaian Biologi / Biological Diversity Management

Sarjana Sains / Master of Science

- Kajian Dasar Alam Sekitar dan Pembangunan / Policy Study of Environment and Development
- Pengurusan Ekosistem Bandar / Urban Ecosystem Management
- Pemuliharaan Alam Sekitar / Environmental Conservation
- Pengurusan Kepelbagaian Biologi / Biological Diversity Management

Sarjana Sastera / Master of Arts

- Alam Sekitar dan Pembangunan / Environment and Development
- Pengurusan Ekosistem Bandar / Urban Ecosystem Management
- Kajian Dasar Alam Sekitar dan Pembangunan / Policy Study of Environment and Development

RAJAH 6 / FIGURE 6
Bilangan Pelajar PhD 2009-2012
Number of PhD Students 2009-2012



RAJAH 7 / FIGURE 7
Bilangan Pelajar Sarjana 2009-2012
Number of Masters Students 2009-2012



SENARAI PASCA SISWAZAH PhD YANG MULA PENGAJIAN PADA 2012 / LIST OF PhD POSTGRADUATES COMMENCING STUDY IN 2012		
Nama / Names	Tajuk / Titles	Penyelia / Supervisors
Radin Firdaus Radin Badaruddin P 64447	The Impacts of Climate Change on Malaysian Paddy Production : Application of the Ricardian Techniques	Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)
Puspawani A/P Ramaloo P 64446	Mengkaji Potensi dan Cabaran Ekonomi Hijau di Malaysia / Researching the Potentials and Challenges of Green Economy in Malaysia	Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.) Anizan Ishak (Assoc. Prof. Dr.) - FST
Siddique Ahmad P 64445	Prospect of Green Consumerism in Rural Communities of Bangladesh	Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.)
Muhammad Yasar P 64444	Analisis Polisi Sekuriti Makanan: Aplikasi terhadap Pendapatan dan Tingkat Kesejahteraan Petani Sawah di Kawasan Jelapang Padi Malaysia / Food Security Policy Analysis: Application on Paddy Farmers' Income and Level of Wellbeing at Rice-Bowl Areas of Malaysia	Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.) Rospidah Ghazali (Dr.)
Afzal Hakim Zakof P 64443	Impak Aktiviti Penambakan Laut Pesisir Pantai Melaka dan Kesannya Terhadap Kualiti Hidup / The Impact of Land Reclamation Activities Along the Malacca Coastal Areas and its Effect Towards Quality of Livelihood	Ahmad Aldrie Amir (Dr.) Mazlin Mokhtar (Prof. Dr.)
Che Zaliha Shahrum Taib P 64442	Nomad Green Achiture Technology	Azimin Shamsul Tazilan (Assoc. Prof. Dr.)
Siti Dina Razman Pahri P 64625	Life Cycle Assessment of Asian Green Mussels : Comparison of Long Life Culture and Smart Farm Culture in Teluk Jawa Johor	Ahmad Fariz Mohamed (Assoc. Prof. Dr.) Abdullah Samad (Dr.)
Mohd Nazri Saidon P 64626	Pengaruh Iklim-Mikro dan Corak Landskap Terhadap Habitat Kelip-Kelip Pinggir Sungai di Semenanjung Malaysia / Micro-climate Influences and Landscape Patterns on the Habitat of fireflies at the River Plains in Peninsular Malaysia	Saiful Arif Abdullah (Assoc. Prof. Dr.) Ahmad Aldrie Amir (Dr.)
Norzalina Zainuddin P 64627	Tarif Air Bandar dalam Melestarikan Pengurusan Sumber Air di Selangor / Urban Water Tariff in Water Resources Management Sustainability in Selangor	Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.) Er Ah Choy (Assoc. Prof. Dr.)
Mohamad Rahmdzey Roly P 69638	Green Tourism Tranformation at Rural Area in Malaysia	Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.) Shaharuddin Mohamad Ismail (Dato')
Rashidah Zainal Alam P 66185	Ekonomi Hijau: Impak Inisiatif Penghijauan Terpilih Terhadap Pembangunan Lestari dan Sosio Ekonomi Isi Rumah Berpendapatan Rendah di Malaysia / Green Economy: Chosen Greening Initiative Impacts on Sustainable Development and Socio-economy of Low Income Households in Malaysia	Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.) Norashikin Ahmad Ludin
Khan Md Raziuddin Taufique P 66186	Economic of Green Food Products In Malaysia: Empirical Study on Consumer Perception and Willingness to Pay	Chamhuri Siwar (Emeritus Prof.) Rawshan Ara Begum (Assoc. Prof. Dr.)
